

Perkasa diri, pacu kecemerlangan

3 rakyat Malaysia mahu manfaat pengalaman bersama generasi muda negara

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.

Peribahasa itu jelas menunjukkan, walaupun banyak kelebihan di tempat orang, pada akhirnya negara sendiri tetap menjadi pilihan.

Begitu juga bagi tiga rakyat Malaysia yang sedang berkhidmat dengan syarikat multinasional di bawah fasilitasi InvestKL, Presiden Asia SLB, Amy Chua; Pengurus Besar Global Projects Centre & Asia Pacific, Subsea7, Darrenjit Singh Darshan dan Pengarah Urusan Asia The Arnott's Group, May Lim yang bertahun-tahun bekerja dengan syarikat multinasional di luar negara, kemudian mengambil keputusan berkhidmat di tanah air sendiri.

Ketiga-tiganya mengakui, biarpun jauh dan lama merantau, Malaysia tetap di hati. Ikuti pandangan, pengalaman dan harapan mereka terhadap bumi tercinta Malaysia.

Amy Chua,
Presiden Asia, SLB

Soalan (S): Anda rakyat Malaysia yang mempunyai kerjaya cukup cemerlang, terutama ketika bekerja dengan syarikat multinasional di luar negara. Cerita dan kongsi pengalaman anda lalu.

Jawapan (J): Saya membesar di Taiping dan tidak tahu bertutur dalam bahasa Inggeris sehinggalah saya melangkah alam persekolahan. Kemudian, saya melanjutkan pengajian tinggi di Universiti Teknologi Nanyang, Singapura dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan pengeluaran. Selepas tamat pengajian, saya memulakan kerjaya sebagai penyelaras projek untuk sebuah syarikat multinasional Amerika Syarikat (AS) dalam industri minyak dan gas di negara sama. Saya suka pekerjaan itu dan teruja diberikan tugas pertama di Oman.

Persekitaran kerja berbilang negara memberi saya perspektif, betapa besarnya dunia. Melalui pengalaman kerja ini, saya bertemu dengan ramai rakan sekerja dari pelbagai negara dan budaya, selain bekerja dengan ramai ketua yang mengajar banyak ilmu kepemimpinan. Kerjasama

baik daripada setiap ketua membolehkan saya dipindahkan ke ibu pejabat di Houston, Texas, AS pada 2008. Ia pengalaman bermakna bukan untuk saya sahaja, tetapi juga rakan sekerja Asia lain kerana saya adalah *inpat* Asia pertama yang dipindahkan ke sana.

S: Anda memegang pelbagai peranan dalam syarikat multinasional. Kongsi pengalaman dan bagaimanakah anda memmanfaatkannya untuk memperkasa dan memacu pasukan anda di Kuala Lumpur?

J: Di SLB, syarikat tempat saya bekerja ini, sentiasa memberikan peluang kepada mereka yang berbakat untuk bekerjasama dalam persekitaran yang mempunyai pelbagai budaya dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran masa depan. Menjadi harapan saya untuk berkongsi pengalaman ini dengan pasukan tempatan saya terutama wanita. Terdapat peluang dan potensi besar untuk wanita berkembang dalam bidang korporat jika mereka mempunyai tujuan, semangat serta prestasi tinggi. Selain itu, sebahagian besar tumpuan saya untuk memastikan rakyat Malaysia dan Asia yang berbakat dapat dilihat serta diserlahkan kepada seluruh organisasi syarikat lebih besar, sekali gus mendorong peluang pembangunan di luar Asia. Saya percaya, ini akan meluaskan pemikiran dan mengukuhkan kemahiran perniagaan mereka dan pada akhirnya, membawa kemahiran yang diasah itu kembali ke negara asal mereka untuk mengambil peranan kepemimpinan lebih besar. Ini untuk mewujudkan kitaran pembangunan bakat yang mampan dan terus memberikan syarikat di Malaysia kelebihan daya saing.

S: Apakah harapan dan impian anda untuk rakyat Malaysia?

J: Malaysia mempunyai banyak sumber, kumpulan modal insan sedia ada, infrastruktur pendidikan serta sistem penjagaan kesihatan yang baik, terletak di lokasi strategik dan sebuah negara progresif, jadi saya berharap semua rakyat terus bersatu dan bekerjasama untuk menyerlahkan potensi penuh negara kita.

May Lim,
Pengarah Urusan Asia,
The Arnott's Group

S: Anda rakyat Malaysia yang mempunyai kerjaya cukup cemerlang, terutama ketika bekerja dengan syarikat multinasional di luar negara. Cerita dan kongsi pengalaman yang anda sudah lalu.

J: Saya memulakan kerjaya saya dalam industri barangan pakej pengguna pada 1998 selepas menamatkan pengajian di Universiti Massey, New Zealand. Pekerjaan pertama saya ialah dalam baha-

“Sebahagian besar tumpuan saya untuk memastikan rakyat Malaysia dan Asia yang berbakat dapat dilihat serta diserlahkan kepada seluruh organisasi syarikat lebih besar”

Amy Chua



“Cari mentor pada awal kerjaya anda. Jangan memandang rendah kebolehan anda. Ke depan dan terima sukarela tugas mencabar”

Darrenjit Singh Darshan
subsea 7

“Saya sendiri, ingin memberikan galakan dan sokongan kepada generasi muda untuk mengejar impian mereka, sama ada melalui peluang bimbingan atau latihan amali”

May Lim



gian jualan eksport dan ia tempat latihan sempurna kerana syarikat itu beroperasi dalam pelbagai kategori produk, daripada makanan bayi kepada sayur-sayuran beku dan makanan haiwan peliharaan. Pekerjaan itu juga memerlukan saya mengembara ke seluruh Asia, mengendalikan pelanggan daripada peruncit kepada pengimport dan kepada pengendali perkhidmatan makanan utama. Selepas empat tahun, saya dipindahkan ke Hong Kong. Saya kemudian menghabiskan 20 tahun berikutnya di rantau Asia Tenggara, bekerja untuk pelbagai syarikat makanan global merentasi negara berbeza. Kini, saya kembali ke Malaysia dan bekerja dengan The Arnott's Group syarikat biskut dan snek jenama terkemuka Australia.

S: Anda memegang pelbagai peranan dalam syarikat multinasional. Kongsi pengalaman dan bagaimanakah anda memmanfaatkannya untuk memperkasa dan memacu pasukan anda di Kuala Lumpur?

J: Saya seronok mempelajari perkara baharu dan pekerjaan saya telah memberi peluang untuk belajar dan menjadi lebih baik. Saya juga memegang pelbagai jawatan pengurus. Pengalaman saya dalam industri ini membolehkan saya menjadi pemimpin yang komited. Saya mempunyai beberapa pengurus dan ketua yang hebat, memberi saya peluang untuk berkembang secara profesional. Saya percaya dalam membantu orang lain berjaya ia dapat membantu membina kepercayaan dan mewujudkan ruang selamat untuk gagal serta belajar dan menunjukkan contoh diperlukan. Saya dapati ramai yang ingin belajar dan menambah baik kehidupan mereka dan pendekatan kepemimpinan ini berjaya di Kuala Lumpur.

S: Bagaimanakah anda mencerminkan semangat patriotik dalam suasana profesional dan boleh dijadikan aspirasi kepada generasi akan datang?

J: Saya berpendapat, Malaysia bo-

leh mencapai lebih daripada apa yang sudah kita capai setakat ini. Kita memiliki semua diperlukan untuk menjadi negara makmur. Kita ada individu berpendidikan tinggi, generasi muda dinamik, bersedia untuk mencuba usaha baharu dan minda ingin tahu yang bersemangat mempelajari perkara baharu. Saya rasa kita perlu menggalakkan idea baharu dan memberikan sokongan kepada mereka yang berusaha keras untuk mencapai impian mereka. Saya juga berpendapat, kerajaan boleh melakukan lebih banyak lagi untuk mewujudkan persekitaran yang memupuk inovasi dan permulaan baharu di negara ini supaya kita mampu kekal berdaya saing dalam pasaran global. Saya sendiri, ingin memberikan galakan dan sokongan kepada generasi muda untuk mengejar impian mereka, sama ada melalui peluang bimbingan atau latihan amali.

Darrenjit Singh Darshan,
Pengurus Besar, Global Projects Centre & Asia Pacific, Subsea7

S: Anda rakyat Malaysia yang mempunyai kerjaya cukup cemerlang, terutama ketika bekerja dengan syarikat multinasional di luar negara. Kongsi pengalaman yang anda sudah lalu.

J: Saya memulakan kerjaya sebagai peguam, tetapi sentiasa berminat dalam bidang perniagaan dan strategi komersial, khususnya industri tenaga kerana skala dan kerumitan teknikal sesuatu projek. Antara kemuncak kerjaya saya di luar negara adalah bekerja dalam projek penapisan pertama Vietnam, kilang gas asli cecair (LNG) di pelbagai wilayah terpencil di China dan juga dihantar ke Perth, Australia untuk mengetuai pasukan undang-undang dan kontrak di sana. Dengan kerjasama rakan sekerja lain di London, Paris dan Perth, kini saya menguruskan pasukan multinasional Subsea7 yang terdiri daripada lebih 250 orang yang bekerja dalam projek

di Brazil, Turki, Senegal dan Australia.

S: Anda memegang pelbagai peranan dalam syarikat multinasional. Kongsi pengalaman dan bagaimanakah anda memmanfaatkannya untuk memperkasa serta memacu pasukan anda di Kuala Lumpur?

J: Ia sangat menarik kerana warganegara yang berbeza akan mempunyai cara berbeza untuk melakukan sesuatu dan menangi cabaran, peluang termasuk gaya komunikasi. Apa yang penting, kita harus berfikir terbuka, perlu ingin terus belajar dan bijak menyesuaikan diri serta mengekalkan identiti sendiri. Setiap syarikat multinasional pasti mempunyai budaya korporat masing-masing, sentiasa ada tahap profesionalisme, integriti dan rasa hormat yang tinggi. Dalam syarikat struktur organisasinya yang sama rata, ia mewujudkan ruang untuk semua orang mengemukakan idea dan penyelesaian serta menggalakkan budaya permuafakatan dalam membuat keputusan. Saya juga menggalakkan syarikat Malaysia, terutama yang bercita-cita tinggi untuk berkembang pada peringkat antarabangsa supaya mengamalkan nilai berkenaan, selain mengadakan dialog dan sentiasa terbuka di semua peringkat dalam organisasi mereka.

S: Apakah nasihat terbaik anda kepada anak muda Malaysia yang ingin berjaya dalam kerjaya mereka?

J: Lakukan yang terbaik dalam setiap tugas, tanpa mengira keadaan. Cari mentor pada awal kerjaya anda. Jangan memandang rendah kebolehan anda. Ke depan dan terima sukarela tugas mencabar kerana ini bukan sahaja akan membantu anda maju dalam kerjaya, tetapi juga membina sahsiah. Terima perubahan dan terus tingkatkan diri kerana apabila anda melangkah perlahan, anda akan mundur. Akhir sekali, pastikan anda menikmati apa yang anda lakukan, itu kunci kepada kerjaya yang berjaya.